

13/04/2001

Mahathir rasmi Minggu Saham di Kelantan

KOTA BHARU, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia 2001 di Dewan Perbandaran Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), Padang Perdana di sini, pada 20 April ini.

Pada majlis sama, beliau juga dijangka melancarkan skim saham amanah terbaru oleh Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Skim amanah berkenaan adalah yang keenam ditawarkan oleh PNB selepas Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020), ASN 2 dan Amanah Saham Malaysia (ASM).

Minggu Amanah Saham akan berlangsung di Kota Bharu dari 20 hingga 24 April ini dengan pelbagai pameran dan kegiatan dianjurkan PNB bagi menarik kunjungan orang ramai.

Selepas majlis perasmian pada sebelah pagi, kanak-kanak istimewa dan anak-anak yatim akan diraikan menerusi program 'PNB Endah' pada petang dengan dihadiri isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Program lain, termasuk Kuiz Pelaburan PNB peringkat kebangsaan antara universiti, sekolah menengah dan pengunjug yang akan diadakan pada 21 April.

(END)